

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/08/52 (HQ)

AGIHAN DIVIDEN INTERIM RM1.72 bilion

6 bulan berakhir 30 Jun 2018 (Separuh pertama TK2018)

- **Margin EBITDA 31.4%**
- **Agihan RM1.72 bilion bagi bayaran dividen interim (30.3 sen sesaham)**

Kuala Lumpur, 30 Ogos 2018 – Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan keputusan kewangannya untuk Separuh Pertama Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018. Kumpulan mencatat pendapatan sebanyak RM24.77 bilion manakala perbelanjaan operasi (OPEX) berjumlah RM17.37 bilion. EBITDA Kumpulan dicatat pada RM7.79 bilion, dengan Margin EBITDA pada 31.4%. Keuntungan selepas cukai Kumpulan atau PAT dicatat stabil pada RM3.39 bilion, yang mana 61.9% adalah daripada perniagaan yang dikawal selia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata: "Pengumuman semakan semula Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi tempoh Julai - Disember 2018 yang dibuat pada 29 Jun 2018 menyaksikan surcaj ICPT sebanyak 1.35 sen / kwj. Ini adalah kali pertama surcaj disalurkan kepada pelanggan, membuktikan keberhasilan pelaksanaan dan kelangsungan rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan bahawa surcaj bagi pelanggan domestik / kediaman bagi tempoh Julai - Disember 2018 dibiayai melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) agar tidak membebankan Rakyat. "

Rangka kerja IBR memaparkan ketelusan dalam penetapan tarif untuk pelanggan. Pada setiap enam bulan, mekanisme ICPT, iaitu sebahagian daripada rangka kerja, menentukan sama ada surcaj atau rebat dilepaskan kepada pelanggan, bergantung terutamanya pada harga pasaran arang batu, yang menjadi bahan api utama dalam menjana elektrik. Mekanisme ICPT dirancang untuk mencerminkan harga elektrik sebenar untuk menggalakkan kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk negara.

Bagi dividen interim separuh pertama TK2018, Lembaga Pengarah telah meluluskan nisbah pembayaran dividen 50% daripada PATAMI Kumpulan, yang berada di peringkat lebih tinggi daripada 30% hingga 60% polisi dividen syarikat. Nisbah pembayaran ini kekal konsisten sepanjang tempoh dua tahun kewangan berturut-turut. Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata: "TNB mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat untuk memastikan pertumbuhan yang mampan agar dapat terus mencipta nilai bagi para pemegang saham kami."

Mengenai prospek ekonomi Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah pada 4.5% pada suku kedua 2018, berbanding 5.4% dicatatkan pada suku pertama 2018. Ini diumumkan oleh Bank Negara Malaysia dalam laporan Pembangunan Ekonomi dan Kewangannya untuk Suku Kedua 2018. Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan yang kukuh, disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta.

Berdasarkan senario di atas, Lembaga Pengarah menjangkakan pertumbuhan permintaan elektrik dan keputusan kewangan Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2018, kekal stabil.

Bagi Separuh Pertama TK2018, dividen interim yang diluluskan adalah pada 30.3 sen sesaham. Penutupan Buku dan Tarikh Pembayaran akan diumumkan tidak lama lagi.

Sorotan Kewangan

RM' Juta	<u>6 Bulan</u> <u>Berakhir</u> <u>30 Jun'18</u>	<u>4 Bulan</u> <u>Berakhir</u> <u>31 Dis'17</u>
Jumlah pendapatan	24,771.9	15,827.1
Jumlah pendapatan (Tanpa susut nilai)	(17,385.2)	(11,141.2)
Pendapatan operasi lain	382.4	512.6
Lebihan operasi (EBIT)	<u>4,704.1</u>	<u>3,148.6</u>
Kos kewangan	(771.8)	(576.0)
Keuntungan/(kerugian) translasi tukaran wang asing	(80.6)	329.7
Keuntungan bersih (sebelum keuntungan / (kerugian) translasi tukaran wang asing)	3,437.6	2,426.0
Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemilik syarikat	3,357.0	2,755.7
Pendapatan sesaham	59.20 sen	48.68 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2018, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 9.0 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Ogos 2018

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Norfadzilah Shaary at 019-3369681
/ Fazreen Eksan 0193160401 atau e-mel media@tnb.com.my*